

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

HGM 332/4 Geografi Ekonomi

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai,
 - [a] Terangkan perbezaan penglobalan aktiviti ekonomi dengan pengantarabangsaan aktiviti ekonomi.
[10 markah]
 - [b] Jelaskan peralihan kualitatif yang berlaku kesan daripada penglobalan aktiviti ekonomi.
[15 markah]
2. [a] Huraikan pola dan struktur sektoral pertumbuhan pesat perdagangan selepas Perang Dunia Kedua.
[10 markah]
 - [b] Bincangkan kesan peralihan pola perdagangan di negara maju atau negara membangun. Sokong hujah-hujah anda dengan contoh-contoh yang sesuai.
[15 markah]
3. Dengan merujuk kepada Negara Perindustrian Baru dan Negara Maju, bincangkan kesan peralihan peta global pelaburan terus asing (PTA) dari tahun 1960 hingga sekarang.
[25 markah]

.../2

4. Dasar perdagangan mempunyai rangka institusi antarabangsa yang dinamakan Persetujuan Am Tarif dan Perdagangan (General Agreement on Tariffs and Trade) - GATT.

[a] Apakah objektif-objektif GATT? [5 markah]

[b] Bincangkan sejauh mana dasar perdagangan negara secara individu atau secara kelompok mencabar pencapaian objektif-objektif GATT. [20 markah]

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. Apakah kesan langsung peningkatan kegiatan perindustrian pembuatan ke atas kegiatan sektor perkhidmatan di negara-negara membangun? [25 markah]

6. [a] Dengan merujuk kepada contoh yang sesuai, bincangkan struktur kos dan faktor-faktor yang mempengaruhi kos pengangkutan. [15 markah]

[b] Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai bincangkan bagaimana perkhidmatan pengangkutan boleh dijadikan petunjuk kepada kepesatan pembangunan sesebuah negara. [10 markah]

7. [a] Bincangkan hubungan di antara kehadiran syarikat-syarikat multinasional dengan peranan kerajaan sesebuah negara bagi membangunkan ekonomi negara tersebut. Kukuhkan jawapan anda dengan contoh-contoh yang sesuai. [15 markah]

[b] Bincangkan peranan syarikat-syarikat multinasional dalam membantu meningkatkan pertumbuhan koridor-koridor pembangunan di negara-negara Asia Pasifik. [10 markah]

8. Bincangkan sejauh mana pelaburan terus asing menyebabkan berlakunya pemindahan teknologi dari negara maju ke negara membangun.